



**SIARAN AKHBAR**  
**PENUBUHAN TABUNG KEMANUSIAAN BENCANA SULAWESI (TKBS)**

**Bandar Seri Begawan, Selasa, 9 Oktober 2018** – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar' Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penubuhan satu tabung bantuan kemanusiaan yang dikenali sebagai Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS), dan seterusnya bagi penubuhan Jawatankuasa Khas yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi.

Penubuhan Tabung Kemanusiaan ini bertujuan untuk mengumpulkan derma berbentuk kewangan daripada semua rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam bagi membantu meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh mangsa-mangsa gempa bumi dan tsunami di Sulawesi, Indonesia yang berlaku pada 28 September 2018 yang lalu.

Jawatankuasa Khas tersebut telah mula bersidang pada petang ini bertempat di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan. Jawatankuasa ini dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Manakala ahli-ahlinya terdiri daripada beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan segala urusan yang berkaitan dengan usaha mengumpulkan derma daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir selaku Penasihat Bersama ke mesyuarat tersebut ialah Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri, beliau telah antara lain menyampaikan bahawa dengan adanya tabung kemanusiaan ini, ianya menunjukkan keprihatinan dan perasaan simpati yang mendalam dari pihak rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam terhadap penderitaan yang ditanggung oleh mangsa gempa bumi dan tsunami di Pulau Sulawesi.

Mesyuarat jawatankuasa pada hari ini telah menetapkan bahawa tempoh kutipan derma kewangan akan diadakan selama tiga (3) bulan iaitu mulai hari ini, **9 Oktober 2018** hingga **6**

**Januari 2019.** Penetapan tempoh tersebut dibuat bagi memberi peluang kepada para penderma untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan secara langsung dan bagi membolehkan pelbagai pihak untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti amal dan kebajikan bagi tujuan kutipan derma tersebut.

Bagi orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan bolehlah berbuat demikian melalui tabung-tabung yang disediakan di bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara. Manakala di masjid-masjid dan surau-surau tabung-tabung akan dibukakan bermula hari Jumaat, 12 Oktober 2018. Mana-mana pihak yang berhasrat untuk menyediakan peti tabung bagi mengadakan kutipan amal, boleh mendapatkan pelekat khas dari pihak Urus Setia Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Kebangsaan pada waktu pejabat.

Derma juga boleh dihantar terus kepada Urus Setia pada waktu pejabat. Orang ramai juga boleh menderma secara *online* melalui akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), akaun nombor 00-001-01-0076007.

Mesyuarat juga turut diselajurkan dengan Majlis Pelancaran SMS Brunei Prihatin Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi di Dewan Citra Budaya, bangunan KKBS sebagai salah satu usaha untuk memberi kemudahan kepada orang ramai menghulurkan derma kepada Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS). SMS Brunei Prihatin ini diungkuhkan bersama DST Communications Sendirian Berhad dan Progresif Cellular Sendirian Berhad (PCSB). Tempoh kutipan SMS akan berlangsung selama 45 hari mulai hari ini **9 Oktober hingga 22 November 2018.**

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis pelancaran ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Penasihat Bersama bagi Jawatankuasa Kebangsaan. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Pegawai-Pegawai Kanan kerajaan yang lain dan juga wakil dari pihak DST Communications Sdn Bhd dan Progresif Cellular Sdn Bhd.

*Disediakan Oleh:*  
*Urus Setia*  
*Tabung Kemanusiaan n Bencana Sulawesi*  
*Jabatan Pembangunan Masyarakat,*  
*Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan,*  
*Negara Brunei Darussalam.*

*Dikemaskini 9 Oktober 2018 @ 3.00PM*

*Tarikh: 29 Muharram 1440/ 9 Oktober 2018*